

10 SEP 1996
Umno-Singapura
PEMUDA UMNO GESA GOH TEMUI MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini berkata Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong harus berjumpa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan kenyataan oleh para pemimpin republik itu yang menyindir tiada amalan meritokrasi di Malaysia.

Pengerusi biro hal ehwal antarabangsa Pemuda Umno Datuk Nazri Aziz berkata Goh sepatutnya memperjelaskan kenyataan negatif itu dengan Dr Mahathir.

"Lebih banyak kenyataan yang dibuat, lebih serius masalah itu," katanya selepas satu dialog antara biro hal ehwal antarabangsa Pemuda Umno dan MCA.

Nazri, yang juga seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata agak sukar bagi Pemuda Umno untuk menerima penjelasan Goh bahawa beliau hairan kenapa kenyataan-kenyataan yang dibuat di republik itu disalah tafsir di sini.

Beliau berkata adalah jahil bagi Goh untuk berpendapat bahawa pendengarnya hanya rakyat Singapura apabila Malaysia disebut atau bahawa rakyat Malaysia tidak akan merasa tersinggung dengan kenyataannya itu.

"Sebagai seorang Perdana Menteri, yang penting bukannya niat tetapi apa yang dimengertikan oleh rakyat ekoran kenyataannya itu," kata Nazri.

Umno tidak boleh membiarkan perkara itu berakhir begitu sahaja kerana tidak ada negara yang mahu dihina begitu rupa, katanya.

Pengerusi hal ehwal antarabangsa MCA Chor Chee Heung berkata Perdana Menteri Singapura perlu lebih sensitif ketika membuat kenyataan jika beliau tidak mahu dilihat sebagai mencampuri urusan negara lain.

Beliau berkata Singapura tidak harus sangsi terhadap Malaysia asalkan kedua-dua negara menghormati antara satu sama lain seperti negara merdeka walaupun mereka berkongsi sejarah politik yang sama.

Semalam, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menyampaikan rasa tersinggung Umno ekoran beberapa kenyataan daripada republik itu selepas Menteri Kanannya Lee Kuan Yew, ketika menjawab satu soalan semasa perjumpaan dengan media pada bulan Jun, berkata beliau tidak menolak kemungkinan Singapura menyertai semula Malaysia suatu hari kelak.

Abdullah berkata Umno merasa tersinggung dengan kenyataan-kenyataan itu.

Jumaat lepas, Dr Mahathir, yang bercakap selaku presiden Umno, berkata Malaysia tidak harus dijadikan "bogey" oleh Singapura untuk mengugut rakyat negara itu supaya berusaha lebih gigih untuk mencapai kejayaan. -- BERNAMA

YBK AKD